



Tinjauan di Jambatan Sungai Pari di Jalan Gudwara Buntong, Ipoh yang retak dan membahayakan pengguna jalan raya.

(Foto L Manimaran/BH)

Kaji punca jalan rosak

Kualiti jalan raya Malaysia duduki senarai ke-47.

Oleh Mohamad Yusri Mazamir

Malaysia@bh.com.my
Kuala Lumpur: Malaya bertakrif di antaranya ke-47 daripada 100 negara yang dinilai. Kualiti jalan raya yang rosak dan berlubang di negara ini, menurut kajian yang dilakukan oleh Lembaga Penyelidikan Jalan Raya (LPPJ) ber-

10/10/2011

Laporan
BH
semalam.

Kerajaan perlu ikuti perkembangan semasa aliran trafik

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak berkuasa perlu mengikuti perkembangan semasa aliran trafik di jalan raya yang mengalami banyak perubahan bagi mengelak masalah menjadi lebih buruk pada masa depan.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua, berkata sebarang usaha penyelesaian masalah membabitkan jalan perlu diketahui puncanya terlebih dulu untuk dikaji.

Beliau berkata, antara masalah kerap dibangkitkan orang ramai termasuk jalan berlubang yang menyebabkan kerosakan kenderaan, malah boleh mengancam nyawa terutama bagi penunggang motosikal.

Jalan berlubang

“Apabila memandu kereta, kita berasa sakit hati apabila tayar kereta terlanggar lubang, tetapi jika motosikal yang melanggar lubang itu, mereka boleh hilang kawalan sehingga berlaku nahas maut.

“Lubang di jalan raya berpunca daripada wayar dan kabel yang dipasang di bawah jalan raya. Walaupun sudah ditutup menggunakan besi selepas pemasangan, lubang ini menjadi lebih dalam selepas satu tempoh dan menjadi punca kemalangan,” katanya.

Teik Hua berkata, kadar kematian jalan raya di Ma-

laysia sebanyak 22.76 bagi setiap 100,000 orang dan daripada jumlah itu, lebih separuh mangsa kemalangan membabitkan penunggang motosikal.

“Purata kematian di jalan raya setiap tahun adalah 6,000 hingga 7,000 dan lebih 4,000 kes membabitkan motosikal.

“Jadi, kita perlu melakukan sesuatu untuk melindungi penunggang motosikal di Malaysia.

“Di Singapura, kadar kemalangan hanya 1.69 daripada setiap 100,000 orang. Setiap hari ada rakyat Malaysia yang keluar bekerja di sana, tetapi kenapa kadar kemalangan masih sedikit.

“Kita perlu belajar daripada mereka untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan jalan raya,” katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa perlu menaik taraf dan kemas kini sistem supaya selari perubahan aliran trafik dan cuaca.